

Larikan mangsa di Klang, buat onar di Melaka

Bapa dua anak rogol remaja dijel 64 tahun

Oleh DIYANATUL
ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Perbuatan terkutuk seorang juruteknik yang melarikan pelajar tingkatan satu dari sebuah sekolah di Klang sebelum merogolnya di Melaka akhirnya berbalas apabila dia dijatuhi hukuman penjara 64 tahun dan lapan sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Mohd. Sabri Ismail menjatuhkan hukuman itu ke atas Azali Abu, 40, selepas tertuduh mengaku bersalah sebaik lapan pertuduhan dibacakan.

Mengikut empat pertuduhan, tertuduh yang telah berkahwin dan mempunyai dua anak didakwa telah merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun tanpa kerelaan mangsa.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Tertuduh juga didakwa dengan empat tuduhan atas kesalahan melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa dan didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Kesemua kesalahan dilakukan di sebuah rumah di Bachang, dalam daerah Melaka Tengah pada 16 dan 17 Jun lalu.

Mengikut fakta kes, kegiatan tertuduh dikesan pada 16 Jun lalu apabila ibu mangsa dihubungi pemandu van sekolah yang memaklumkan remaja tersebut tidak ditemui selepas tamat



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka semalam.



KERATAN Kosmo! 20 Jun 2022.

waktu persekolahan.

Wanita itu kemudian menghubungi rakan anaknya dan diberitahu bahawa mangsa telah dilihat menaiki sebuah kereta bersama seorang lelaki.

Pada 18 Jun, mangsa pulang ke rumah dan memberitahu telah dirogol tertuduh sebanyak empat kali.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu agar hukumannya diringkankan

kerana telah menyesal dan insaf.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Nazrin Ali Rahim memohon hukuman berat dikenakan terhadap tertuduh mengambil kira tindakannya melarikan seorang pelajar sekolah.

Selepas mendengar hujah kedua belah pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan satu sebatan bagi setiap kesalahan merogol dan penjara enam tahun serta satu sebatan bagi setiap pertuduhan amang seksual fizikal.

Beliau memerintahkan hukuman merogol berjalan secara berasingan, manakala kesalahan amang seksual fizikal berjalan serentak dari tarikh ditangkap.